

PROSIDING

Seminar
POLITIK MALAYSIA

Penyunting

Worran Hj. Kabul
Shireen Haron
Mat Zin Mat Kib
Abdul Kadir Rosline

DEBAT ANWAR-SHABERY: STRATEGI RETORIK DALAM KOMUNIKASI POLITIK

Jeniri Amir

ABSTRAK

Sejak Pilihan Raya Umum Ke-12 lalu, terdapat sedikit sebanyak perubahan dari segi "keterbukaan" di pihak kerajaan, termasuk dalam amalan media. Debat terbuka antara Datuk Seri Anwar Ibrahim, pemimpin de facto Pakatan Rakyat dengan Datuk Ahmad Shabery Cheek, Menteri Penerangan yang disiarkan secara langsung oleh beberapa saluran televisyen adalah salah satu bukti keterbukaan itu. Kertas kerja ini akan mengkaji strategi retorik yang digunakan oleh dua orang pendebat itu dalam debat bersejarah pada 15 Julai 2001 lalu atas tajuk "Hari Ini Bentuk Kerajaan, Esok Turunkan Harga Minyak" anjuran AgendaDaily. Pengkaji akan meneliti jenis dalil yang digunakan oleh pendebat dalam hujah dan hujah balas yang dikemukakan, selain teknik retorik yang dimanfaatkan dalam mengemukakan wacana. Aspek bahasa tubuh akan turut disentuh. Kajian akan dilakukan dengan menganalisis kandungan ucapan berdasarkan teks yang ditranskripsi daripada rakaman debat berkenaan. Berdasarkan analisis itu, kesimpulan akan dilakukan untuk menentukan kelebihan dan kelemahan pendebat.

PENGENALAN

Sejak pilihan raya pada 8 Mac 2008, angin perubahan telah sedikit banyak bertiup dalam cara media beroperasi di negara ini. Media arus perdana, termasuk televisyen tidak mempunyai pilihan, kecuali perlu mengamalkan 'kebebasan' dan membuka sedikit banyak ruang untuk berita berkaitan pembangkang. Jika tidak, media berkenaan menghadapi risiko tidak ditonton atau tidak dibaca oleh pembaca, apatah lagi kini lima buah negeri berada di tangan Pakatan Rakyat, iaitu Selangor, Perak, Pulau Pinang, Kedah, dan Kelantan. Dalam konteks inilah, acara debat antara menteri kerajaan dengan pemimpin pembangkang dapat dilihat dalam konteks 'keterbukaan' media.

Retorik merupakan seni menguasai dan mengawal minda khalayak. Yang ditekankan adalah bagaimana bahasa sebagai alat komunikasi dapat dimanfaatkan untuk menegakkan dan menangkis hujah, mempengaruhi khalayak, dan seterusnya mengubah pendirian dan kepercayaan, serta sikap atau perlakuan khalayak. Debat memerlukan alat-alat dalam bentuk dalil bagi menghidupkannya. Dalil tersebut dapat menjadi kaedah atau cara yang berkesan untuk menyampaikan fakta, hujah, buah fikiran dan emosi kepada khalayak. Alat tersebut dapat menjadi senjata yang berkesan sehingga hujah menjadi lebih jelas, meyakinkan dan persuasif.

Kertas kerja ini cuba mengenal pasti dan menganalisis teknik retorik yang digunakan oleh pemimpin de facto Parti Keadilan Rakyat Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan Datuk Ahmad Shabery Cheek, Menteri Penerangan Malaysia dalam debat “Hari Ini Bentuk Kerajaan, Esok Turun Harga Minyak” pada malam 15 Julai 2008. Debat ini dilangsungkan ekoran daripada langkah kerajaan mengumumkan kenaikan harga petrol sebanyak 70 sen kepada RM2.70, kenaikan melebihi 40 peratus pada bulan Jun selepas kerajaan berjanji untuk hanya menaikannya mulai Ogos 2008. Debat tersebut dianjurkan oleh portal berita AgendaDaily dan dipengerusikan oleh Datuk Johan Jaaffar, Pengerusi Lembaga Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan mantan Ketua Pengarang Utusan Malaysia.

Debat bersejarah selama sejam itu telah disiarkan secara langsung oleh TV9, Astro Awani dan Bernama TV, manakala siaran tertunda pula melalui TV3. Debat itu telah ditonton oleh 4.4 juta penonton, iaitu TV3 sebanyak 1.902 penonon, TV9 sebanyak 1.938 penonton, Astro Awani 338,000 dan Bernama TV 238,000 penonton. Jumlah ini adalah berdasarkan rating yang dikemukakan oleh stesen televisyen itu kepada AgendaDaily (AgendaDaily, 17 Julai 2008).

Sebagaimana dijelaskan oleh moderator pada bahagian awal debat, format debat telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Kedua-dua pendebat telah menamakan seorang wakil yang bertindak sebagai ahli panel. Wakil Anwar ialah Zulkifli Sulong dari akhbar mingguan politik, *Siasah* manakala Ahmad Shabery diwakili Naib Canselor Universiti Utara Malaysia dan Presiden Persatuan Universiti Malaysia, Tan Sri Dr Nordin Kardi. Wakil berkenaan masing-masing menanyakan soalan kepada pendebat yang mencalonkan mereka, selain soalan kepada pendebat yang seorang lagi. Moderator pula mengemukakan soalan yang sama kepada kedua-dua pendebat bagi memastikan keadilan. Kedua-dua pendebat turut diberi peluang untuk bertanya satu sama lain. Dalam pemula bicaranya, moderator mengharapkan agar kedua-dua tokoh itu mendebatkan isu yang dibahaskan “secaras terbuka, profesional dan beretika.”

Beberapa pihak telah menjalankan tinjauan pendapat berkaitan dengan debat itu. Berdasarkan kutipan pendapat selama 12 jam sebaik sahaja debat berakhir pada pukul 10 malam portal berita Malaysiakini mendapati daripada 18,684 pembaca yang menyertai tinjauan, sebanyak 17,240 atau hampir 96 peratus berpendapat bahawa Anwar lebih meyakinkan dalam mengemukakan hujah berbanding Ahmad Shabery. Tinjauan itu juga mendapati 90 peratus pembaca menyatakan bahawa Shabery mengelak daripada menjawab sebahagian besar daripada soalan yang dikemukakan oleh moderator, Datuk Johan Jaaffar (Malaysiakini 17 Julai 2008). Manakala tinjauan mStar pula mendapati 86 peratus berpendirian bahawa Anwar memenangi debat itu (mStar, 17 Julai 2008).

Apakah yang menyebabkan penonton merumuskan bahawa Anwar memenangi debat itu? Adakah ‘kemenangan’ Anwar itu disebabkan oleh teknik retorik yang digunakan sehingga hujahnya lebih meyakinkan berbanding dengan Shabery? Apakah teknik retorik yang digunakan oleh kedua-duanya? Apakah dalil-dalil yang digunakan oleh kedua-dua pendebat? Sejauh manakah pendebat telah membahaskan isu berkenaan secara ‘terbuka, profesional, dan beretika’ seperti yang diharapkan oleh moderator?

Dalam debat, dalil yang sesuai dengan hujah yang hendak dibentangkan amat penting, kerana dalillah akhirnya yang menentukan kekuatan hujah, apatah lagi dalam konteks mematahkan hujah lawan. Antara dalil yang dapat digunakan ialah kuantifikasi, contoh bersiri, contoh terperinci,

perbandingan terasing, perbandingan terperinci, kenyataan pakar atau testimoni, takrifan atau definisi dan kontra atau pertentangan.

KUANTIFIKASI

Kuantifikasi atau statistik ialah data dalam bentuk angka seperti peratusan, nisbah dan purata. Statistik yang betul, sah dan boleh dipercayai dapat menjadi alat yang berkesan untuk meringkaskan maklumat dan memudahkan percontohan (Letteri 2000; Beebe dan Beebe 2003). Mengikut Hart (1997) fungsi statistik adalah untuk memberikan rasa substantif kepada kenyataan pengucap atau pendebat dengan menggunakan perangkaan yang konkrit. Pendek kata, statistik dapat memperjelas dan memperkuat idea dan hujah.

Adakah dalil dalam bentuk kuantifikasi digunakan oleh kedua-dua pendebat? Sejak pusingan pertama debat lagi Anwar menyedari pentingnya stasisik, termasuk peratusan digunakan untuk mendukung hujahnya. Ketika menyentuh tentang bagaimana beliau dapat mengumpulkan RM5 bilion dan kedudukan TNB dan IPP, Anwar mengatakan: “Dan kapastiti 40 peratus itu saya usulkan untuk dikurangkan *standby capacity* itu kepada 20 peratus. Dengan mengurangkan kapasiti itu sahaja, kita telah mendapat RM2 bilion. Jadi, kita kena cari RM3 bilion lagi. Petronas hari ini dalam *financial announcement* menyebut jumlah keuntungan yang besar bagi tahun 2008 yang baru selesai diumumkan hampir RM100 bilion.” Beliau juga menggunakan statistik untuk menunjukkan kehebatan Petronas. Petronas ini walaupun termasuk dalam di antara 100 syarikat minyak terbaik, tapi dari segi keuntungan termasuk di antara ke-10 terbaik.

Selain daripada itu, untuk menjawab dan menguatkan hujah bagaimana beliau dapat mencari RM3 bilion lagi bagi ‘meringankan beban rakyat’ Anwar turut mengutip statistik. Beliau merujuk bagaimana Perwaja sahaja “kerugian RM13 bilion yang boleh ditampung oleh kerajaan. Mengapakah harus kita menjadikan isu terlalu besar apabila RM3 bilion itu ingin diagihkan kepada rakyat jelata?” Ketika cuba menguatkan hujah untuk menjelaskan kenaikan inflasi, Anwar telah menerapkan dalil kuantifikasi, iaitu “Cuba pergi kedai beli ikankah, bawangkah, ayamkah, ia tidak naik tiga peratus. Angka terakhir yang disebut oleh Gabenor Bank Negara enam peratus lebih. Semua bank sebut lebih lapan peratus.” Beliau juga mengutip statistik kadar inflasi yang disebut oleh Profesor Emeritus Datuk Dr. Mohamed Ariff, Pengarah Eksekutif The Malaysian Institute of Economic Research (MIER), iaitu “Februari naik 30 sen, inflasi bulan berikutnya 4.8 peratus. Sekarang naik mendadak, belum sempat satu bulan, naik 8 peratus.”

Statistik juga dimanfaatkan ketika mengemukakan hujah tentang kesan dan implikasi positif kenaikan harga minyak global kepada Malaysia. Beliau berhujah, “Harga minyak global meningkat tinggi setiap satu dolar Amerika naik dengan pengeluaran minyak di Malaysia, kita peroleh RM360 juta. Dalam hujah lain, ketika menyentuh kelemahan kerajaan menguruskan pembelian diesel, Anwar turut menggunakan statistik. Katanya: “Diesel yang bocor, penyeludupan, dan penyelewengan, berapa? RM700 juta setahun. Kemudian, kerajaan tubuh syarikat kroni, Teras Kimia, RM117 juta. Sudahlah rugi RM700 juta, ambil syarikat geng dia, bantu pula RM100 juta.”

Adakah Shabery juga menggunakan kuantifikasi sebagai dalil ketika membentangkan hujahnya? Seperti Anwar, beliau turut mengemukakan kuantifikasi dengan menyatakan jumlah yang perlu

ditanggung oleh kerajaan jika harga minyak dikekalkan pada harga RM1.92 seliter. Kata beliau, “Kalau kita teruskan pada harga RM1.92, ini bermakna subsidi yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan ialah sebanyak RM50 bilion.” Dalil berkenaan juga dimanfaatkan ketika memberi hujah berkaitan krisis minyak pada awal 1970-an. Mengikut beliau, pada waktu itu, seluruh dunia menghadapi masalah inflasi. “Harga minyak naik mendadak 400 peratus; daripada 10 dolar setong hingga 40 dolar setong dalam masa enam bulan.” Shabery turut mengutip kadar inflasi sebanyak 30 peratus di Venezuela walaupun harga minyak 10 sen dan Iran dengan inflasinya yang kelapan terburuk dalam dunia sekarang “ketika menjelaskan keadaan inflasi di negara pengeluar minyak.”

Ternyata, kedua-dua pendebat telah menggunakan statistik untuk menyokong fakta, menegakkan hujah dan menangkis hujah lawan. Itulah sebabnya angka yang dipetik adalah angka yang dipercayai menyebelahi hujah yang dibentangkan. Angka tersebut berperanan untuk memperbesar dan memperhebat kesan terhadap perkara yang diperkatakan. Dan dengan itu, diharapkan dapat meyakinkan dan mempengaruhi khalayak.

TESTIMONI MENINGKATKAN KREDIBILITI ANWAR

Testimoni merupakan salah satu dalil yang popular digunakan dalam pengucapan awam. Kenyataan pakar atau testimoni dengan memetik data, maklumat dan fakta daripada sumber berwibawa dapat menguatkan atau mengukuhkan kewibawaan pendebat. Letteri (2001) berpendapat testimoni merupakan petikan langsung terhadap pendapat atau kata-kata seseorang sama ada kerana autoritinya tentang persoalan berkenaan, pengalaman menyaksikan atau mengalami sesuatu kejadian atau kerana kepakarannya yang memungkinkan khalayak atau masyarakat yakin terhadap pendapatnya. Testimoni juga adalah berdasarkan dapatan atau pendirian badan atau agensi yang berwibawa. Grice dan Skinner (2001) menjelaskan bahawa testimoni ialah petikan atau pengulangan kata-kata atau kenyataan daripada sumber berwibawa bagi maksud menjelaskan dan menguatkan hujah atau kenyataan pengucap atau pendebat.

Dalam konteks ini, ternyata bahawa Anwar menyedari pentingnya testimoni digunakan sebagai salah satu dalil dalam membentangkan hujah dan mematahkan hujah lawannya. Ketika menyentuh tentang keuntungan Petronas, beliau memetik pengumuman kewangan Petronas yang dilaporkan dalam media utama tanah air, termasuk berita televisyen tentang keuntungan Petronas. Anwar menegaskan: “Petronas hari ini dalam *financial announcement* menyebut jumlah keuntungan yang besar bagi tahun 2008 yang baru selesai diumumkan hampir RM100 bilion.”

Bagi menguatkan wibawa statistik yang digunakan tentang kenaikan kadar inflasi di Malaysia, beliau memetik statistik yang dinyatakan oleh Gabenor Bank Negara dan pakar ekonomi, Profesor Emeritus Mohamed Arif daripada MIER¹ seperti yang telah dipetik sebelum ini. Bagi menggambarkan betapa teruknya keadaan rasuah di negara ini, beliau memetik angka yang disebut oleh Morgan Stanley. Katanya, “Kerajaan yang bocor begitu banyak termasuk rasuah yang disebut Morgan Stanley kehilangan RM300 bilion dan RM10 bilion.”

Dari segi penggunaan testimoni untuk menguatkan hujah, ternyata Shabery langsung tidak menggunakan dalil tersebut dalam usaha membentangkan hujah dan mematahkan hujah Anwar. Dengan menggunakan badan atau pihak berautoriti seperti Gabenor Bank Negara, pakar ekonomi

dari institut penyelidikan ekonomi dan Morgan Stanley, firma perkhidmatan kewangan global yang terkemuka yang berpangkalan di New York, tentu hujah menjadi lebih meyakinkan. Dengan memetik sumber berkenaan, hal ini dapat mengukuhkan kredibiliti Anwar. Hujahnya lebih meyakinkan daripada Shabery.

CONTOH MEMBOLEHKAN KHALAYAK MEMAHAMI MAKSUD

Pelbagai jenis contoh dapat digunakan bagi menjelaskan hujah dan membolehkan khalayak memahami maksud yang disampaikan. Antara contoh yang digunakan ialah contoh lanjutan dan contoh bersiri. Koch (2001) menjelaskan bahawa jika dipilih dan digunakan dengan betul, contoh merupakan bahan sokongan idea utama yang berkesan untuk menyampaikan idea, pendapat, dan mesej. Contoh berperanan untuk meningkatkan kekuatan pendebat dengan memberikan huraian dan gambaran terperinci kepada sesuatu konsep yang diperkatakan (Hart 1997). Bagi Letteri (2002), contoh dapat menjelaskan sesuatu kejadian khusus berkaitan persoalan yang diperkatakan. Peranan contoh terperinci dalam penghujahan bagi Hart (1997) adalah untuk menambahkan kekuatan hujah dan kenyataan pengucap dengan memberikan gambaran yang terperinci tentang sesuatu kejadian atau konsep. Sekiranya digunakan dengan bijak, contoh dapat menjadi bahan sokongan idea utama yang efektif dan bermanfaat.

Dalam hubungan ini, antara contoh bersiri dan contoh terperinci yang digunakan oleh Anwar adalah seperti diperlihatkan dalam petikan berikut. Katanya: “Jadi naik harga minyak itu pulangan besar kepada kita. Ini hendak merungsingkan orang kampung, harga minyak global naik, di London, di Paris, di China, di India naik.” Anwar menggunakan contoh terperinci atau lanjutan seperti, “Saya pertahankan hujah ini kerana beban rakyat itu sudah tidak terkawal. Petani, nelayan, pekerja, peniaga peringkat menengah dan atasan itu mengalami satu keperitan yang luar biasa.” Contoh lain ialah, “Saudara, soal minyak, soal bantuan, meredakan keperitan rakyat ini tanggungjawab mana-mana pemerintah. Lebih ramai orang miskin, lebih rakyat terpinggir, baik Melayu atau Bumiputera Sabah, Sarawak atau segelintir Cina dan masyarakat India di estet, itu tanggungjawab kita.” Ketika cuba menjelaskan kedudukan Malaysia berbanding dengan negara lain, Anwar turut menggunakan contoh sebagai dalil penunjang hujah. Kata beliau: “Kita tewas dengan pesaing kita, dengan banyak negara. Jangan banding dengan Somalia dan Zimbabwe. Bandingkan dengan negara-negara yang dulu kita setara. Singapura, Taiwan, Korea Selatan dan negara di ASEAN sendiri. Di beberapa tempat lagi pada pusingan pertama dan ketiga ada beberapa contoh lagi digunakan oleh beliau.

Sebagaimana Anwar, Shabery turut menyedari pentingnya contoh dimanfaatkan sebagai dalil ketika mengemukakan hujah dan mematahkan hujah. Ketika menjelaskan kesan yang bakal ditanggung oleh kerajaan jika harga minyak tidak dinaikkan, Shabery berpendapat bahawa banyak program yang akan terjejas dengan memberi contoh yang relevan. “Dan ini bermakna banyak program-program pembangunan, soal sekolah, soal rakyat, soal jalan, soal orang di FELDA, soal orang di kampung tidak dapat dilaksanakan hanya untuk menampung cara hidup yang berterusan pada hari ini.” Bagi beliau, kerajaan tidak boleh meneruskan subsidi, engan memberi contoh untuk menyokong hujahnya.

Hal ini demikian, “Kalau kita terus memberi subsidi yang banyak, kita akan mewujudkan satu keadaan bahawa wang negara yang sepatutnya dilaburkan untuk kepentingan rakyat, untuk sekolah,

untuk hospital dan sebagainya terpaksa digunakan hanya untuk menampung subsidi minyak yang sebahagiannya akan digunakan untuk orang-orang yang sudah kaya...Sebab itulah kita katakan di sini bahawa kalau kita terus memberi subsidi sebagaimana yang disebutkan tadi, ada syarikat-syarikat seperti EXXON Mobil, seperti Shell, dan sebagainya yang mendapat faedah daripada wang rakyat.

Contoh terperinci turut digunakan oleh beliau ketika membentangkan hujah tentang kesan krisis kenaikan minyak pada 1973 dan 1974 sehingga negara-negara Arab berpakat untuk mengenakan tindakan embargo minyak kepada negara-negara yang menyokong Israel pada waktu itu. Kata beliau, "waktu itu juga, seluruh dunia menghadapi masalah inflasi yang teruk. Harga minyak naik mendadak 400 peratus daripada 10 dolar setong hingga 40 dolar setong dalam masa enam bulan." Contoh inflasi yang menimpa negara pengeluar minyak turut dikemukakan seperti yang terjadi kepada Venezuela yang mengalami inflasi 30 peratus, yang dianggapnya sebagai teburuk di Amerika Latin dan Iran yang inflasinya adalah keelapan teburuk di dunia.

Dalam menggambarkan kesan langkah mengikut formula IMF yang diambil oleh Anwar ketika krisis ekonomi 1997, Shabery menggunakan contoh terperinci untuk menguatkan hujahnya. Mengikut beliau, "Pada waktu itu...kadar bunga yang dinaikkan dengan cara yang cukup tinggi, NPL dipanggil daripada enam bulan kepada tiga bulan, ramai peniaga kecil SME dan sebagainya bankrap disebabkan oleh Saudara Anwar."

Ternyata, kedua-dua pendebat telah menggunakan contoh sebagai salah satu teknik untuk menyokong hujah. Dalil tersebut digunakan dengan kerap oleh kedua-dua pendebat, tetapi dalam hal ini, Shabery didapati menggunakannya dengan lebih intens dan meyakinkan.

TAKRIFAN

Definisi yang berasal daripada bahasa Latin bermaksud memberi sekatan atau batasan. Sesuatu definisi atau takrifan memberikan kita makna bagi sesuatu perkataan, frasa, atau konsep. Letteri (2000) menjelaskan bahawa takrifan merupakan satu kenyataan atau sekumpulan kenyataan yang memberikan maksud kepada sesuatu istilah atau frasa, dengan menjelaskan idea utama, objek atau sifat yang dimaksudkan. Pentakrifan penting bagi khalayak yang tidak biasa dengan sesuatu perkataan, frasa atau konsep memahami maksud yang disampaikan dengan lebih mudah.

Tujuan takrifan adalah untuk menjelaskan sesuatu perkara, sekali gus meletakkan perbincangan di landasan yang betul. Ketika menjelaskan maksud subsidi bagi menangkis hujah Shabery, Anwar merujuk subsidi bukan sahaja sebagai bantuan kepada orang miskin, tetapi juga kepada pedagang dan syarikat besar yang disebut sebagai insentif dan bail out. Apabila membetulkan kenyataan wakil Shabery, Tan Sri Dr Nordin Kardi, Anwar mentakrifkan industri petroleum meliputi minyak dan gas. Didapati bahawa Shabery tidak memanfaatkan takrifan dalam hujahnya.

KONTRAS TINGKATKAN KUALITI DRAMATIK

Kontras merupakan sejenis dalil apabila pendebat mengetengahkan perbezaan sesuatu perkara atau objek. Fungsi kontras mengikut Hart (1997) adalah untuk meningkatkan kualiti dramatik terhadap

ucapan dengan mengemukakan elemen-elemen yang berlawanan. Dalam hubungan ini, antara kontras yang digunakan oleh Anwar ialah, "Untung IPP ini berbilion dan Petronas itu kerugian." Ketika menampelak Shabery kerana melakukan serangan peribadi terhadapnya, Anwar juga menggunakan kontras. "Debat ini masalah minyak, *bukan* Anwar dan Shabery. Oleh yang demikian, saya *tidak* memilih untuk menyentuh beliau walaupun beliau tokoh Semangat 46 dahulu." Bagi membandingkan perbezaan ketika beliau menjadi Menteri Kewangan dengan keadaan sekarang, Anwar turut menggunakan kontras, iaitu "Kerana pada masa itu kita ada belanjawan lebihan, *tidak* macam sekarang deposit teruk." Beliau mengakui dalam keadaan sekarang, iaitu ketika beliau belum lagi memperoleh kuasa, Anwar menyatakan "Saya" *bukan* Perdana Menteri, *bahkan* nasib saya satu dua hari ini, belum tentu ke mana." Ayat ini menggambarkan jika beliau dapat menjadi Perdana Menteri, tentu langkah mengurangkan harga minyak akan dapat dilakukan. Namun, beliau mengatakan kini dia bukannya Perdana Menteri, malah kedudukannya dalam sehari dua lagi belum dapat dipastikan kerana kes liwat yang dihadapinya.

Dalam pada itu, Shabery juga menggunakan kontras seperti yang dapat dibuktikan daripada kenyataan "Kita bercakap mudah bila kita berada di luar, *tetapi* hakikat yang sebenarnya tidak semudah dapat kita hayati dalam keadaan yang sebenarnya dalam negara kita pada hari ini." Bagi menjelaskan bahawa kerajaan tidak sepatutnya dipersalahkan kerana kenaikan minyak, beliau juga menggunakan kontras. Teknik ini berkesan untuk menangkis hujah lawan dan meyakinkan khayalak tentang keadaan sebenar. Maksudnya, jangan salahkan kerajaan jika harga minyak naik, kerana kenaikan itu tidak dapat dielakkan disebabkan oleh pelbagai faktor di luar kawalan kerajaan, termasuk perang di Iraq dan permintaan terhadap minyak yang semakin meningkat di beberapa negara. Katanya, "Harga minyak naik *bukan* kerajaan yang salah, *tetapi* ini adalah kerana keadaan kenaikan harga minyak dunia disebabkan perang di Iraq, kemungkinan serangan di Iran, tentang permintaan China dan India yang semakin besar dan faktor-faktor lain yang dirasakan di seluruh dunia."

Ungkapan berlawanan dapat menjadi teknik retorik yang berkesan. Ternyata, kedua-dua pendebat pintar menggunakan kontras sebagai dalil dalam debat berkenaan.

STRATEGI RETORIK

Retorik merupakan elemen penting dalam ucapan atau debat. Ucapan atau debat yang tanpa retorik akan kedengaran mendatar dan akhirnya tidak meninggalkan kesan di jiwa khalayak. Pakar retorik, Scott (1999) dalam membicarakan penggunaan gaya bahasa atau stail dalam ucapan mengemukakan sembilan teknik yang dapat dimanfaatkan oleh pemedato dalam memilih perkataan bagi menimbulkan kesan terhadap khalayak. Teknik tersebut antara lain ialah tricolon, elipsis, ansidenton, aliterasi, anafora, keseimbangan, dan soalan retorik.

TRIAD: KUMPULAN BERTIGA

Prinsip bertiga begitu penting dalam ucapan dan debat. Triad boleh jadi terdiri daripada satu perkataan, adjektif, kata nama, adverba dan kata kerja, malah boleh jadi juga frasa, klausa, dan ayat. Prinsip ini jika digunakan dengan tepat akan memberi kesan dramatik. Rangkaian bertiga mampu menghasilkan rentak dan rima. Perucap, pemedato dan pemimpin yang terkemuka sering

menggunakan prinsip kumpulan bertiga, kerana mereka sedar akan kesan penggunaannya. Mengapakah prinsip kumpulan bertiga itu demikian menarik? Hal ini berkaitan dengan rentak, dan telinga manusia mudah tertarik dengan bunyi dan rentak yang indah. Tampaknya, idea dalam kumpulan tiga lebih mudah diingat dan indah didengar.

Triad atau kumpulan bertiga digunakan di beberapa tempat oleh Anwar dan Shabery. Didapati bahawa Anwar amat sedar akan peranan triad untuk menimbulkan kesan tertentu kepada khalayak. Perhatikan penggunaannya, seperti berikut:

“Nak bantu nelayan, petani dan Melayu miskin namanya subsidi.” Juga, “Harga 10 sen, 15 sen, 16 sen?”, selain “Saudara, soal minyak, soal bantuan, meredakan keperitan rakyat ini tanggungjawab mana-mana pemerintah.” Dan bagi memperlihatkan kesan terhadap inflasi ekoran kenaikan harga minyak beliau menegaskan dengan menggunakan rangkaian bertiga, “Cuba pergi kedai beli ikankah, bawangkah, ayamkah...” Manakala Shabery juga menggunakan rangkaian bertiga seperti “*Pada waktu itu* seluruh rakyat bersatu menyokong Tun Razak. *Pada waktu itu* polls khas menyokong Tun Razak. *Pada waktu itu* juga banyak parti-parti lain menyokong Tun Razak.”

Ternyata, Anwar lebih banyak menggunakan teknik rangkaian bertiga, berbanding dengan Shabery.

SOALAN RETORIK DAN SOALAN BERJAWAPAN

Selain soalan berjawapan, salah satu strategi retorik yang digunakan dalam debat atau ucapan ialah soalan retorik. Dengan menggunakan teknik soalan retorik, pendebat mengemukakan soalan kepada khalayak bukan dengan tujuan untuk dijawab, tetapi merangsangkan fikiran atau mencabar mereka tentang persoalan yang diperkatakan. Kesannya kadangkala lebih hebat daripada soalan yang diberi jawapan. Kedua-dua pendebat banyak menggunakan teknik ini. Di beberapa tempat Anwar mengemukakan soalan retorik secara bertubi-tubi untuk mempertegaskan hujah dan menyerang hujah lawan.

Misalnya,

“Jadi, saudara, saya cuma hendak sebutkan begini, mengapa gunakan media termasuk media rasmi sebagai amat memutarbelitkan kenyataan kita? Kenyataan kita ialah mengapa kenaikan yang begitu mendadak dan membebankan? Dan mengapa kita tidak boleh mengurus sumber khazanah yang kita miliki untuk meringankan beban rakyat dan memajukan pertumbuhan ekonomi dengan meyakinkan?”. Bagi menunjukkan kedahsyatan kesan akibat daripada kenaikan harga minyak dan maksud subsidi sebenar, beliau melontarkan soalan “Saudara tahu, berapa ramai jumlah penganggur?... Bagaimana dengan prasarana infrastruktur? Untuk pelaburan? Bukankah itu bentuk subsidi? Kita dalam pemerintahan ini nak jaga siapa? Nak jaga tauke besar dan kroni? Atau nak jaga rakyat?”

Dalam mematahkan hujah Shabery, Anwar banyak menggunakan teknik soalan retorik, sehingga didapati begitu berkesan. Misalnya, “Diesel yang bocor, penyeludupan penyelewengan, berapa?”, “Saudara, siapa yang bagi angka kita ada deflation? Ada kehausan sumber minyak pada 2015?”, “Saudara boleh bangkitkan, umpamanya, ini pendekatan naik minyak mendadak, cadangan siapa? Ini preskripsi IMF, World Bank.” Juga, “Soalnya sekarang, kita beri satu kebocoran yang saya sebutkan

tadi. Petronas umumkan, ada dividen khas, selain daripada beberapa bilion tadi ni, dividen khas tahun ini kepada kerajaan sebanyak RM6 bilion. Tak bolehkah saya ambil RMI bilion untuk tampung, supaya kos minyak turun 50 sen? Apa, bagi Ahli-ahli Yang Berhormat, berat sangatkah?" ...Tetapi soalnya sekarang ialah apakah ada kesediaan pemimpin-pemimpin kerajaan dengar dan cuba melaksanakan?"

Bagi membuktikan kenyataan lawannya salah dan dasar berkaitan dengan kenaikan minyak tidak tepat, beliau melontarkan soalan, "Jika keprihatinan Pak Menteri meniaga barang di inflasi itu bercanggah dengan keputusan yang dibuat oleh kerajaan. Naik minyak mendadak, inflasi tidak akan naik. Itu teori ekonomi siapa yang mengajar begitu?"

Selain itu, turut dilontarkan ialah, "Saudara Shabery, siapa yang bandingkan Malaysia dengan Venezeula dan Iran? Harga 10 sen, 15 sen, 16 sen?" Anwar juga menggunakan teknik soalan retorik, secara berturut-turut di tempat lain untuk menegakkan hujahnya, iaitu "Jadi saudara, saya cuma hendak sebutkan begini, mengapa gunakan media termasuk media rasmi sebagai amanah memutar kenyataan kita? Kenyataan kita ialah mengapa kenaikan yang begitu mendadak dan membebankan? Dan mengapa kita boleh mengurus sumber khazanah yang kita miliki untuk meringankan bebanan rakyat dan memajukan pertubumbuhan dengan meyakinkan?"

Ahmad Shabery turut menyedari kesan dramatik soalan retorik. Bagi menyokong hujahnya tentang kedudukan Malaysia sebagai 'net exporter' negara pengeluar minyak yang kecil, beliau melontarkan soalan "Saya hendak tanya, kita ini negara pengeluar minyak nombor berapa dalam dunia? Nombor satu hingga 20? Kita nombor berapa? Tidak masuk pun, nombor 21 pun tidak." Seterusnya, bagi membayangkan kesan apabila negara ini sudah kehabisan minyak suatu ketika nanti, Shabery juga menggunakan soalan retorik, iaitu "Kalau kita kata tahun 2015 nanti waktu kita sudah tidak ada minyak, apakah waktu itu kita telah menjadi net importer pada waktu tersebut? Apakah pada waktu itu kita baru hendak mengikut harga dunia, kalau orang hendak jual harga minyak pada kita pada waktu itu? Kalau tidak jual bagaimana?" Dalam hubungan ini, beliau juga menjawab soalan yang dilontarkannya, iaitu "Kalau kita tidak mengikut prinsip ekonomi yang sihat, kita akan menyebabkan negara kita akan terus dibebankan dengan beban baharu. Adakah kita hendak berhutang selepas ini? Dan kalau kita berhutang, dengan siapa kita hendak berhutang? Kalau tidak dengan peminjam-peminjam atau ah long antarabangsa."

Seterusnya, ialah "Daripada keuntungan Petronas itu, sebenarnya yang telah diberi kepada kerajaan ialah sebanyak 91 peratus telah diberikan. Apa lagi yang hendak kita ambil dari Petronas selepas ini? Dan kita kena ingat bahawa Petronas kuat dan maju sekarang ini dan selama ini, kerana siapa? Kalau tidak kerajaan kerajaan UMNO dan Barisan Nasional? Apakah kita hendak nafikan kehebatan yang dibuat oleh Petronas selama ini adalah kerana dorongan yang diberikan oleh kerajaan? Ketika menyerang Anwar, sekali lagi beliau turut menggunakan soalan retorik, iaitu "Dan apakah kita nak sekarang ini, dalam keadaan sekarang ini, kita terus hendak mainkan sentimen-sentimen mengajak orang ke jalan raya sebagaimana yang dibuat dalam tahun 1974 dahulu akan menyelesaikan masalah kita?"

Justeru, didapati bahawa Anwar lebih banyak menggunakan soalan retorik, berbanding dengan Shabery yang banyak menggunakan soalan dengan jawapan sekali. Teknik soalan retorik digunakan oleh Anwar terutamanya ketika menangkis hujah Shabery. Penggunaan teknik demikian didapati lebih berkesan.

PERULANGAN UNTUK PENEGASAN DAN KEINDAHAN

Teknik perulangan atau repitisi bukan sahaja digunakan untuk tujuan penegasan, tetapi juga menimbulkan kesan keindahan, serta membantu khalayak supaya lebih mudah memahami dan mengingati perkara yang disampaikan oleh pendebat. Perulangan terhadap kata kunci, klausa, atau ungkapan dan frasa menimbulkan ritma, kuasa, dan penguatan terhadap teks dan mesej yang disampaikan (Grice dan Skinner 2001; Beebe dan Beebe 2003). Sebahagian perulangan tersebut adalah bersifat anafora, iaitu perulangan satu perkataan atau frasa di awal ayat secara berurutan, sehingga menimbulkan kesan rima dan keindahan tertentu apabila dibaca atau disampaikan.

Dalam konteks ini, Anwar menggunakan perulangan seperti, "Ini bukan boleh sudah dikatakan populis atau tidak. Saya bimbang kerana kalau kita tidak membawa arah baharu dalam pengurusan ekonomi negara, *lebih baik, lebih* mendekati prinsip ekonomi pasaran, *lebih* meyakinkan dengan pengurusan yang cekap, *lebih* bersih daripada kebocoran, ketirisan dan rasuah. *Lebih* menghormati rule of law dan negara hukum." Selain itu, perulangan lain yang digunakannya ialah "...kerana *kenaikan mendadak keterlaluan, kerana naik begitu mendadak keterlaluan*, tidak ada yang sokong, yang sokong hanya Ahli parlimen Barisan Nasional. *Kerana naik keterlaluan*, kita terpaksa menurunkan ikut peringkat" dan "*Kenaikan*" yang "*mendadak*," *kenaikan* barang termasuk minyak bila *mendadak* begitu akan membawa kesan yang parah. Kita sebut *harga minyak global*, memang benar. *Harga minyak global* meningkat tinggi, tetapi setiap satu dolar Amerika naik dengan pengeluaran minyak di Malaysia, kita peroleh RM360 juta."

Shabery juga memanfaatkan teknik perulangan ketika membentangkan hujah dan menangkis hujah Anwar, iaitu "Kita kecil. Jangan bandingkan dengan Arab Saudi. *Jangan* bandingkan dengan Venezuela. *Jangan* bandingkan dengan Iran. *Jangan* bandingkan dengan tempat lain. *Saudara Anwar* kata media suka memutarbelitkan. *Saya rasakan* sekarang ini tidak pernah berlaku kalau *Saudara Anwar* berada dalam kerajaan diberi peluang yang begini kepada seorang pemimpin pembangkang. *Saya rasakan* bahawa kalau mengikut cara *Saudara Anwar* sewaktu menyelesaikan masalah krisis kewangan tahun 19897, memilih cara yang digemari oleh IMF." Perulangan lain ialah "Perlu saya jelaskan juga bahawa *kita* perlu tahu bahawa kenaikan harga minyak sekarang bukan kerana *kita*. *Kita* mesti sedari hakikat bahawa *kita* berhadapan dengan krisis minyak seluruh dunia."

Selain daripada itu, Shabery menggunakan perulangan berbentuk anafora untuk tujuan penegasan apabila beliau mengatakan, "Perlu saya jelaskan di sini bahawa kalaulah dikatakan pada hari ini 50 sen hendak diturunkan...*Perlu saya jelaskan* juga bahawa kita perlu tahu bahawa kenaikan harga minyak sekarang ini bukanlah kerana kita.

Pada waktu itu seluruh rakyat bersatu menyokong Tun Razak. *Pada waktu itu* polls khas menyokong Tun Razak. *Pada waktu itu* juga banyak parti-parti lain menyokong Tun Razak. *Seolah-olah* Saudara Anwar menafikan bahawa seluruh dunia berhadapan dengan soal harga minyak yang tinggi sekarang ini. *Seolah-olah* dikatakan bahawa minyak mahal di Malaysia sahaja." Anafora lain yang digunakan ialah "*Sekarang ini* kalau kita tengok, negara kita mampu untuk mengatasi krisis makanan. *Sekarang ini* malahan kalau kita tengok beras kita lebih murah daripada beras Thailand."

BAHASA FIGURATIF

Bahasa figuratif lebih efektif untuk menyatakan sesuatu, kerana bahasa figuratif mampu menghasilkan kesan imaginatif, sebagai cara untuk menghasilkan imej tambahan, menambahkan

kesan perasaan, dan cara menkonstruksikan makna yang hendak disampaikan. Antara bahasa figuratif yang digunakan ialah personifikasi, hiperbola, dan unsur bahasa yang lain seperti aliterasi. Unsur ini dapat menguatkan ayat dan sedap didengar.

PERSONIFIKASI

Dalam kes ini objek bukan manusia seperti pokok, batu, lautan, bumi, hutan, dan sebagainya diberikan sifat manusia, lengkap dengan fikiran, perasaan, kelakuan dan sebagainya. Personifikasi atau perorangan dapat menghidupkan imaginasi khalayak. Sesungguhnya, personifikasi dapat memperkental imej. Gaya bahasa ini sering muncul dalam percakapan sehari-hari; dan jika digunakan dengan berhati-hati dalam ucapan, tentu akan meninggalkan kesan yang diinginkan.

Anwar menggunakan beberapa personifikasi misalnya “untuk membuat ekonomi kita bangkit lagi”, “ditampung oleh kerajaan”, ‘inflasi melonjak tinggi’, “Kerajaan itu cekap dan bersih dan sedia mendengar dan mengorak cepat untuk beraing dengan negara-negara lain”. yang bermaksud berkembang. Shabery telah menggunakan personifikasi seperti “’dunia luar menekan kita’, “’polls khas menyokong Tun razak’, “Petronas dalam keadaan yang tertekan”, “pada waktu itu yang menjerut rakyat”, “prinsip ekonomi yang sihat”, ‘mainkan sentimen-sentimen’

HIPERBOLA

Hiperbola ialah seni melebih-lebihkan sesuatu melalui ungkapan. Hiperbola dapat digunakan untuk menggambarkan objek, idea dan lain-lain dengan memberi tekanan secara berlebihan atau memperbesar-besarkannya. Tujuannya untuk memperoleh kesan yang kuat. Kiasan ini digunakan jika anda hendak menegaskan sesuatu agar memberikan kesan yang diinginkan.

Contoh penggunaan hiperbola yang digunakan oleh Anwar ialah “Saya pertahankan hujah ini kerana beban rakyat yang sudah tidak terkawal. Petani, nelayan, pekerja, peniaga peringkat menengah dan atasan itu mengalami satu keperitan yang luar biasa. ...Kenaikan mendadak yang cukup membebankan; majoritinya Melayu lebih banyak menerima kesan. Semua pembicaraan tentang menyelamatkan orang Melayu dan membela nasib orang Melayu itu hanya omongan.” Hiperbola lain ialah “Kenaikan yang mendadak, kenaikan barang termasuk minyak bila mendadak begitu akan membawa kesan yang parah” dan “Bahawa adalah satu fitnah besar seperti fitnah berterusan terhadap saya bahawa kita tunduk kepada IMF” kita ambil dari dana kerajaan yang bocor begitu banyak.” Selain itu, beliau juga menggunakan hiperbola untuk menimbulkan kesan dahsyat daripada inflasi dan pengangguran sesudah kenaikan harga minyak. Katanya, “Kalau kita nak teruskan kebijakan dalam ekonomi, sekarang ini, apa yang akan berlaku ialah kemelesetan, pengangguran yang sekarang setengah juta akan mencecah hampir 1 juta orang. Ini beban kepada rakyat.”

Shabery banyak menggunakan hiperbola untuk menegaskan perkara yang diperkatakannya, selain menimbulkan kesan dramatik. Misalnya, “Kita kecil. Jangan bandingkan dengan Arab Saudi. Jangan bandingkan dengan Venezuela. Jangan bandingkan dengan Iran. Jangan banding dengan tempat lain. Kita kecil sangat, itu pun minyak kita telah diambil 100 tahun lamanya dan kita telah sampai ke peringkat penghujung” bagi membuktikan kedudukan Malaysia sebagai negara pengeluar

minyak. Ketika menjelaskan kesan ekonomi akibat dasar yang dilaksanakan oleh Anwar ketika menyajdi Menteri Kewangan pada 1997, Shabery menyatakan, "...pada waktu itu yang menjerut rakyat...kadar bunga yang dinaikkan dengan cara yang cukup tinggi, NPL dipanggil daripada enam bulan kepada tiga bulan, ramai peniaga kecil SME dan sebagainya bankrap disebabkan oleh Saudara Anwar." Ketika menyerang Anwar, beliau juga menggunakan hiperbola. Beliau cuba memperlekeh Anwar dengan mengatakan "...saya pernah mendengar Saudara Anwar cakap, Dr Mahathir pemimpin yang paling hebat. Pernah dia kata, kalau boleh dipintal awan di langit, akan kupintal dengan nama Dr Mahathir dan Siti Hasmah pada waktu itu. Peminjam astau ah long-ah long antarabangsa."

RIMA DAN IRAMA

Rima dan irama penting diterapkan ketika berdebat kerana debat adalah untuk didengar. Rima ialah perulangan bunyi dalam ayat untuk menghasilkan kesan muzik yang indah. Rima merupakan bentuk fonetik yang dapat membantu untuk mempertegas makna. Disebabkan perkataan dan ayat dalam teks adalah untuk diucapkan, maka kedua-dua pendebat banyak mengambil kira kesan penggunaan ayat, rima dan ritma terhadap pendengar.

Justeru, aspek aliterasi dan asonansi diberikan perhatian ketika membentuk ayat dalam ucapan supaya indah didengar. Aliterasi ialah penggunaan dua atau lebih perkataan yang bunyi dalam satu baris adalah sama. Setiap kata mungkin meninggalkan kesan lembut, keras, merdu, tegas, dan sebagainya pada khalayak. Aliterasi menyebabkan ayat 'menyanyi', dan begitu indah didengar, tetapi janganlah pula kerana hendak menimbulkan kesan bunyi yang indah ayat bertele-tele hingga lidah pembacanya terbelit.

Dalam hubungan ini, perhatikan aspek aliterasi dan asonansi yang digunakan dalam ayat yang digunakan oleh Anwar, seperti berikut: "Sebab apa saya nak menyebut langkah awal, sebab kekacauan, kemusnahan ekonomi, kerosakan akibat kenaikan mendadak keterlaluan, kerana naik mendadak keterlaluan tidak ada yang sokong, yang sokong hanya Ahli Parlimen Barisan Nasional."

Shabery juga menyedari kesan aliterasi dan asonansi dalam ayat, misalnya "Seperti dulu dan seperti hari ini, rakyat memang sempit tetapi saya melihat sama seperti dulu, Saudara Anwar suka mengambil kesempatan daripada kesempatan rakyat."

KOSA KATA DAN POLA AYAT

Bahasa ucapannya adalah lebih jelas, lebih konkrit, dan lebih spesifik, langsung dengan ayat yang pada amnya singkat dalam usaha untuk mengkonkritkan dan menjelaskan pendirian kedua-dua pendebat bwerusaha memastikan bahawa diksi yang digunakan dapat difahami oleh khalayak. Beberapa perkataan dan istilah dalam bahasa Inggeris turut digunakan oleh kedua-dua pendebat, dengan Anwar lebih banyak menyelitkan perkataan itu seperti *problem*, *deflation*, *honest to the truth*, *rule of law*, *break point*, *standby capacity*, *financial announcement*, *bailout*, *basis*, *basic*. Sepuluh perkataan atau ungkapan daripada bahasa Inggeris yang digunakan oleh Anwar adalah berkaitan dengan laras pentadbiran, kewangan dan ekonomi.

Sama seperti Anwar, Shabery juga menggunakan perkataan bahasa Inggeris walaupun hanya enam kali, termasuk dua singkatan NPL dan SME untuk memperkatakan sesuatu berkaitan dengan

ekonomi. Perkataan Inggeris yang digunakan ialah *growth, free, net exporter, dan net importer*. Penggunaan perkataan tersebut diyakini dapat menyampaikan konsep berkenaan dengan mudah. Dalam pada itu, Anwar turut menyelitkan perkataan daripada bahasa Indonesia seperti omongan, kebijakan, kita bicara, Pak Menteri bagi merujuk kepada cakap kosong, dasar, berbincang dan menteri, manakala Shabery langsung tidak menggunakannya.

Pendebat yang baik selalunya pandai memilih diksi atau kata-kata. Kata-kata dapat mengungkapkan kenyataan, memperhalus, memperbesar, bahkan menyembunyikan realiti. Dalam retorik, bahasa yang digunakan hendaklah jelas, tepat, mudah, indah dan menarik. Pendebat perlu sentiasa berusaha untuk menggunakan kata-kata yang khusus supaya dapat mendukung maksud sebenarnya. Pendebat menggunakan kata-kata yang sederhana, dan mengelakkan kata-kata bombastik. Kata-kata yang bombastik bermaksud kata-kata yang lebih besar daripada idea yang cuba disampaikannya. Pada keseluruhannya kosa kata dan bahasa yang digunakannya adalah tepat, ringkas, mudah, indah, segar, dan bertenaga dengan memanipulasikan gaya bahasa atau retorik yang sesuai.

Didapati bahawa kedua-dua pendebat telah menggunakan ayat yang pelbagai pola, iaitu ayat mudah, sederhana panjang dan ayat yang agak kompleks sebagaimana yang diperlihatkan melalui petikan tadi. Meskipun demikian jumlah ayat kompleks adalah tidak banyak dibandingkan dengan ayat mudah dan singkat. Ayat singkat wajar digunakan kerana wacana tersebut bertujuan untuk meyakinkan pendengar dan menangkis hujah lawan. Selain mudah disampaikan, ayat yang singkat akan mudah difahami berbanding dengan ayat panjang dan kompleks. Khalayak dapat menyerapkan perkara yang disampaikan dengan mudah.

Dalam hubungan ini, didapati ada kecenderungan kedua-dua pendebat untuk menggunakan teknik elipsis. Elipsis bermaksud pendebat memotong perkataan tertentu dalam menyampaikan hujah dengan tujuan untuk meningkatkan kelajuan. Teknik ini juga digunakan untuk melahirkan rima tertentu, sebagaimana dapat dibuktikan daripada perenggan atau ayat yang dikutip sebelum ini. Dengan itu, kesannya lebih dramatik dan pendebat dapat menyampaikan fikiran dengan lebih pantas, apatah lagi soal masa amat penting dalam debat, lebih-lebih lagi debat yang disiarkan secara langsung melalui televisyen.

SERANGAN PERIBADI

Dalam mengemukakan hujahnya Shabery didapati banyak menyerang peribadi Anwar. Dalam pusingan pertama lagi Shabery memilih untuk menyerang Anwar dengan menyatakan bagaimana pada zaman Tun Razak lagi Anwar memilih untuk memalukan Tun Razak dengan berarak di jalan raya mengajak mahasiswa dan sebagainya. Beliau menyatakan, "Seperti dahulu dan seperti hari ini, rakyat memang sempit, tetapi saya melihat sama seperti dulu, Saudara Anwar suka mengambil kesempatan daripada kesempatan rakyat."

Beliau juga menyentuh tentang peranan Anwar dalam demonstrasi Baling pada awal 70-an dahulu. Serangan peribadi termasuk "Saudara menggerakkan massa, menggerakkan mahasiswa, mengatakan orang kaya raya, orang miskin papa kedana. Sedaplah kita bercakap waktu itu, bercakap tentang orang Baling pada waktu itu. Tetapi pada waktu yang sama kita rasakan bahawa Saudara Anwar waktu berada dalam kerajaan, tidak selesai pun tentang soal orang di Baling."

Shabery juga menempelak bagaimana ketika ini kerajaan membuka ruang untuk pembangkan bercakap di televisyen, sedangkan ketika Anwar dalam kerajaan dahulu perkara seperti itu tidak pernah berlaku. Kata beliau, dalam rumusannya, "Saya percaya bahawa perdebatan sebegini rupa adalah bukti keterbukaan kertajaan kita yang ada sekarang yang tidak mungkin diperoleh sewaktu Saudara Anwar menjadi Timbalan Perdana Menteri suatu ketika dahulu."

Shabery juga menempelak Anwar bagaimana pada suatu waktu beliau pernah memuji Mahathir dengan mengatakan, "Pernah dia kata, kalau boleh dipintal awam di langit, akan kupintal dengan nama Dr. Mahathir dan Siti hasmah pada waktu itu. Malah, pada bahagian penggulungan Shabery tidak menggunakan peluang untuk merumuskan hujahnya dengan baik. Sebaliknya, beliau telah sekali lagi menyerang peribadi Anwar. Katanya," Kalau kita perhatikan bahawa Saudara Anwar tidak berubah sejak dulu. Kalau dahulu orang yang membina Petronas seperti Tun Razak sudah ditentang. Tun Mahathir yang mengembangkan Petronas sampai ke peringkat dunia, ditentang juga. .. Dan apakah kita nak sekarang ini, dalam keadaan sekarang ini, kita terus hendak mainkan sentimen-sentimen mengajak orang ke jalan raya sebagaimana yang dibuat dalam tahun 1974 dahulu, akan menyelesaikan masalah kita?

Sebaliknya, Anwar memilih untuk berhujah berdasarkan tajuk yang dikemukakan dengan merumuskan pendirian dengan menggunakan ungkapan seperti "Itu yang pertama, kedua, ketiga". Namun, beliau sempat juga 'menyinggung' atau menyerang peribadi Shabery selepas Shabery dengan agak bertubi-tubi menyerang peribadi beliau dengan menyatakan sebenarnya Shabery ialah bekas pemimpin Semangat 46.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis tadi dapatlah dikatakan bahawa kedua-dua pendebat telah cuba menegakkan hujah dan menangkis hujah, serta mempengaruhi khalayak dengan menggemblengkan pelbagai strategi retorik. Mereka telah menggunakan pelbagai dalil dan teknik retorik dalam mengemukakan hujah dan menangkis hujah lawan. Yang pasti, dari segi dalil Anwar didapati mempunyai kelebihan berbanding dengan Shabery, terutama berkaitan dengan penggunaan teknik testimoni sehingga wibawanya sebagai pendebat lebih menyerlah. Namun, tidak terdapat perbezaan yang ketara dari segi teknik retorik yang lain, kecuali Anwar banyak memanfaatkan teknik soalan retorik ketika menepis hujah Shabery. Pada amnya, hujah Anwar lebih meyakinkan dan Anwar mempunyai kelebihan dari segi menangkis hujah dengan dalil dan fakta yang lebih konkrit. Pengalaman beliau sebagai Menteri Kewangan banyak membantu berbanding dengan Shabery yang agak baharu sebagai menteri. Kelemahan Shabery terletak pada kecenderungannya untuk melencong daripada persoalan yang diperkatakan, selain cenderung untuk menyerang peribadi Anwar sehingga boleh menjejaskan kredibiliti beliau sebagai pendebat sehingga sedikit sebanyak menjejaskan harapan moderator untuk menyaksikan debat yang terbuka, profesional dan beretika. Faktor-faktor berkenaanlah yang telah menyebabkan penonton berpendapat Anwar memenangi debat tersebut.

NOTA AKHIR

¹ Mengikut laman web MIER, "MIER is conceived as a world-class thinktank, Malaysia's centre of excellence for independent research on economic issues for the country and its links in the region. It is committed to serve the government and private sectors as well as the public at large by providing an objective and impartial understanding of socio-economic issues of national, regional and global importance." Diakses 12 Oktober 2008.

RUJUKAN

AgendaDaily, 17 Julai 2007.

Aristotle, 1991. *The Art of Rhetoric*. London: Penguin Book.

Beebe, Steven A dan Beebe, Susan, 2003. *Public Speaking: An Audience-Centered Approach*. Boston: Allyn and Bacon.

Atkinson, Max, 2004. *Lend Me Your Ears*. London: Vermilion.

Braude. J.M., 1992. *Complete Speaker's and Toastmasters Library*. New Jersey: Prentic Hall.

Grice, George and Skinner, John, 2001. *Mastering Public Speaking*. Boston: Allyn and Bacon.

Gronbeck et.al., 1994. *Principles and Types of Speech Communication*. New York: HarperCollins College Publishers.

Ehrlich, Henry, 1992. *Writing Effective Speeches*. New York: Reed Business Press.

Hart, Roderick P., 1997. *Modern Rhetorical Criticism*. Boston: Allyn and Bacon.

Humes, J.C, 2002. *Speak Like Churchill Stand Like Lincoln*. New York. Three Rivers Press.

Koch, Arthur. 2001. *Speaking With a Purpose*. Boston: Allyn and Bacon.

Litteri, Richard, 2002. *A Handbook of Public Speaking*. Boston: Allyn and Bacon.

Lomas, R & Richardson, 1963. *Speech: Idea and Delivery*. Boston: Houghton Mifflin.

Lucas, Stephen E., 1998. *The Art of Public Speaking*. Boston: McGraw-Hill.

Malaysiakini, 17 Julai 2008.